

14/07/2001

Konvensyen BN, jerubu tumpuan akhbar

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

CADANGAN menjadikan Barisan Nasional (BN) sebagai satu parti yang menggabungkan semua kaum di negara ini dengan menyatukan kesemua 13 parti komponennya, adalah antara kandungan menarik dalam akhbar Tamil dan Cina sepanjang minggu ini.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika Konvensyen BN pada 7 Julai lalu berkata tidak ada masalah untuk menyatukan semua komponen BN di bawah satu payung yang lebih menggambarkan bangsa Malaysia.

Akhbar Tamil Nesan melaporkan bahawa Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, mengalu-alukan saranan Perdana Menteri itu dan sedia meyakinkan anggota MIC bagi menerimanya, jika ia benar-benar mahu dilaksanakan.

Beliau juga memaklumkan bahawa penubuhan satu parti menggabungkan semua anggota komponen BN adalah hakikat yang perlu diterima pakai pada suatu masa kelak, jika tidak dalam masa terdekat.

Katanya, penggabungan itu akan mewujudkan kerjasama lebih erat di kalangan parti komponen yang secara tidak langsung mengukuhkan lagi kedudukan di hati rakyat untuk terus menerima mandat mentadbir negara.

Sementara itu, Malaysia Namban pula memetik kenyataan Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas, yang penuh yakin bahawa perpaduan di kalangan anggota komponen BN tidak akan tergugat kerana ia sudah mula dijalin sejak sebelum merdeka lagi.

Katanya, BN bukan gabungan pelbagai parti yang semata-mata mahu menguasai sesebuah kerajaan seperti yang berlaku di kebanyakan negara lain, sebaliknya BN diwujudkan dengan bertunjangan semangat perpaduan yang jitu.

Lidah pengarang Nanyang Siang Pau keluaran Isnin lalu yang turut mengulas isu sama berpendapat politik perkauman adalah keistimewaan dan keteguhan struktur politik negara ini.

Katanya, untuk mewujudkan parti tunggal, kerajaan harus melupakan warisan pembinaan negara dan konsep politik perkauman demi memperjuangkan kepentingan rakyat serta negara secara keseluruhannya, bukannya kepentingan kaum.

Menurut akhbar itu, jika BN menjadi parti tunggal, ia adalah satu perkembangan dan bukannya perubahan.

Bagaimanapun, pada masa ini BN katanya hanya bekerjasama semasa pilihan raya umum atau timbulnya isu perkauman melalui rundingan di antara parti komponen untuk mencari jalan penyelesaian.

Turut mendapat perhatian akhbar Cina minggu ini ialah isu jerubu dan sikap pihak berkuasa tertentu yang sengaja menyembunyikan fakta dan maklumat berhubung masalah itu.

Lidah pengarang Sin Chew Jit Poh edisi Khamis lalu mengulas bahawa rakyat berhak mengetahui perkara sebenar dan pihak berkuasa harus mengumumkan Indeks Pencemaran Udara IPU setiap hari untuk pengetahuan orang ramai.

Akhbar itu juga berpendapat bahawa Indonesia sebagai ahli Asean harus mematuhi perjanjian kerjasama dan menunjukkan keikhlasannya dalam usaha menyelesaikan masalah jerebu di rantau ini.

Jika tidak, Sin Chew mencadangkan supaya ahli Asean lain mengenakan tindakan terhadap republik itu melalui undang-undang.

Lidah pengarang Nanyang Siang Pau Rabu lalu pula membidas tindakan Asean yang tidak membantu memadamkan kebakaran hutan di Sumatera, sebaliknya hanya mengadakan latihan mengawal kebakaran di Jakarta.

Walaupun Perjanjian Pencemaran Jerebu Asean akan ditandatangani November depan, usaha dan keikhlasan untuk menyelesaikan masalah jerebu harus datang dari Indonesia sendiri kerana puncanya bermula di republik itu.

Selain itu, cadangan penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) oleh MCA turut mendapat perhatian.

Ruangan analisis China Press keluaran Isnin lalu mengulas bahawa masyarakat Cina berharap UTAR dapat dilindungi di bawah peraturan khas dan tidak dipengaruhi oleh sistem kuota bagi memberi satu laluan kepada masyarakat Cina melanjutkan pelajaran dalam negara.

Sin Chew Jit Poh pula dalam lidah pengarangnya Selasa lalu berharap UTAR akan mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) lain, seperti yuran murah, tumpuan kepada usaha mengembangkan budaya Tiong Hua dan mengkaji isu yang dihadapi masyarakat Cina.

Akhbar itu juga mencadangkan UTAR supaya mempertimbangkan kerjasama dengan kolej swasta Cina lain seperti Kolej New Era dari segi kursus yang ditawarkan.

(END)